

Edgenta Academy dan Asia Pacific University Meneroka untuk Memperkukuh Kerjasama Industri-Akademik

KUALA LUMPUR, 17 November 2025 – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta”), peneraju penyelesaian pengurusan aset dan infrastruktur di Malaysia, melalui unit pembelajaran dan pembangunannya, Edgenta Academy Sdn Bhd (EASB), telah memeterai Memorandum Penerokaan Perniagaan (MOBE) dengan *Asia Pacific University of Technology & Innovation* (APU) untuk meneroka potensi kerjasama dalam bidang yang merangkumi latihan, penyelidikan, penglibatan industri dan pembangunan kawal selia.

Pemeteraian MOBE ini merupakan sebahagian daripada strategi EASB bagi tahun 2025 untuk mengeratkan kerjasama dengan institusi pendidikan dan memperkukuh peranannya dalam ekosistem pembelajaran dan pembangunan negara. Melalui kerjasama ini, EASB dan APU akan bersama-sama membangunkan program latihan yang canggih, menghubungkan kepakaran akademik dengan pengalaman industri, sambil menjalankan penyelidikan kolaboratif dalam kejuruteraan dan teknologi. Kerjasama ini menempatkan EASB di satu kedudukan akademik dan industri, yang akan melahirkan bakat yang dilengkapi dengan kemahiran dan ketangkasan yang diperlukan untuk memacu tenaga kerja masa depan Malaysia; sekaligus menegaskan komitmen berterusan UEM Edgenta kepada pembangunan modal insan, inovasi, dan kemajuan industri negara.

Memberi pandangan beliau berkenaan kerjasama tersebut, Razman Ismail, Pengarah, Edgenta Academy Sdn Bhd dan Ketua Pegawai Sumber Manusia, UEM Edgenta, berkata “Di UEM Edgenta, kami mengiktiraf bahawa kemajuan modal insan dan keupayaan industri adalah mustahak kepada aspirasi pertumbuhan Malaysia. Melalui kerjasama dengan APU, kami berhasrat untuk menghubungkan sektor akademik dan industri dengan membangunkan inisiatif latihan dan pengetahuan yang berpandangan jauh yang memupuk generasi profesional dan pemimpin akan datang.”

“Kerjasama ini bukan sekadar kerjasama akademik, tetapi juga tentang mewujudkan saluran bakat yang mampan yang memenuhi permintaan industri yang sentiasa berubah. Dengan menggabungkan kecemerlangan akademik APU dengan visi praktikal industri -EASB, kami sedang membina rangka kerja yang menyokong peralihan Malaysia ke arah ekonomi yang dipacu pengetahuan dan inovasi,” tambah beliau.

APU merupakan salah sebuah universiti swasta terkemuka di Malaysia, yang tersenarai sebagai 2% universiti terbaik di seluruh dunia dalam *QS World University Rankings 2026* dan merupakan universiti Malaysia pertama yang diiktiraf oleh *UK Quality Assurance Agency for Higher Education (QAA)*, serta universiti yang pertama di Malaysia yang dianugerahkan penarafan *QS 5-Stars Plus Rating*. Dengan pelajar dari lebih 130 negara, kadar kebolehpasaran siswazah yang terbukti 100%, dan lebih 500 anugerah sebagai pengiktirafan kecemerlangan akademik dan inovasi, APU diiktiraf di peringkat global kerana menghasilkan graduan yang sangat berkebolehan bekerja dan bersedia untuk industri. Rekod prestasinya yang mantap dalam kebolehpasaran siswazah dan kerjasama industri melengkapi misi EASB untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang berimpak dan sejajar dengan industri.

MOBE ini merupakan perjanjian tidak terikat dengan tempoh sah sehingga dua tahun dan boleh diperbaharui atas persetujuan bersama. Inisiatif ini mengukuhkan peranan UEM Edgenta sebagai peneraju korporat yang bertanggungjawab dan komited untuk menyumbang kepada pembangunan mampan negara dan kemajuan sosioekonomi jangka panjang melalui pendidikan, peningkatan kemahiran dan perkongsian yang dipacu inovasi.

Memorandum Penerokaan Perniagaan (MOBE) ini ditandatangani oleh Razman Ismail, Pengarah Edgenta Academy Sdn Bhd, dan disaksikan oleh Nuraida Ismail, Ketua, EASB; manakala Gurpardeep Singh, Ketua Pegawai Operasi, menandatangani bagi pihak *Asia Pacific University of Technology & Innovation* (APU) dan disaksikan oleh Prof. Ts. Dr. Murali Raman, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Akademik dan Strategik). Turut hadir di majlis berkenaan adalah wakil kanan daripada kedua-dua organisasi, yang menandakan komitmen bersama dalam memperkukuh kerjasama industri-akademik.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta dan perniagaannya, sila layari www.uemedgenta.com.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE:EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.